



European
Commission

RANTAIAN BEKALAN BEBAS PENEBAANGAN HUTAN

Fakta asas berkenaan Peraturan (EU) 2023/1115

Environment

ISI KANDUNGAN

MENGAPA EU BERTINDAK UNTUK MENGHENTIKAN PENEBAANGAN HUTAN?	3
MENGAPA PERLU ADA INSTRUMEN PERUNDANGAN YANG BARU?	3
UNSUR UTAMA.....	3
KONSEP UTAMA	6
TIMELINE FOR ENTRY INTO APPLICATION AND DEADLINES.....	8
EU SUPPORTING IMPLEMENTATION.....	8
MAKLUMAT LANJUT	8

Manuskrip disiapkan pada November 2023

European Commission tidak bertanggungjawab atas sebarang akibat yang timbul daripada penggunaan semula penerbitan ini.

© European Union, 2023



Ketetapan penggunaan semula dokumen Suruhanjaya Eropah dikuatkuasakan berdasarkan Keputusan Suruhanjaya 2011/833/EU pada 12 Disember 2011 mengenai penggunaan semula dokumen Suruhanjaya (OJ L 330, 14.12.2011, ms. 39).

Kecuali dinyatakan sebaliknya, penggunaan semula dokumen ini dibenarkan di bawah lesen Creative Commons Attribution 4.0 International (CC-BY 4.0) (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>). Ini bermaksud bahawa penggunaan semula dibenarkan dengan syarat kredit yang sesuai diberikan dan sebarang perubahan dinyatakan.

Bagi sebarang penggunaan atau penghasilan semula elemen yang tidak dimiliki oleh Kesatuan Eropah, kebenaran mungkin perlu diperoleh terus daripada pemegang hak yang berkenaan.

Ini adalah terjemahan tidak rasmi yang belum disahkan oleh Kesatuan Eropah (EU) atau Kerajaan Persekutuan Jerman. Ia tidak mengandungi pendapat atau penilaian rasmi tentang peraturan ini, dan juga tidak mencerminkan pandangan EU atau Kerajaan Persekutuan Jerman. Lembaran fakta ini tidak boleh menggantikan penilaian undang-undang anda sendiri dan tidak bertujuan sebagai cadangan untuk tindakan. Lembaran ini disusun berdasarkan penilaian teknikal oleh GIZ bagi memudahkan perbincangan.

MENGAPA EU BERTINDAK UNTUK MENGHENTIKAN PENEBAANGAN HUTAN?

Kesatuan Eropah telah meluluskan Peraturan mengenai rantaian bekalan bebas penebangan hutan ([Peraturan Penebangan Hutan atau EUDR](#)) pada Jun 2023. Pendorong utama peraturan ini adalah peningkatan penebangan hutan dan kemerosotan hutan akibat pengeluaran komoditi seperti soya, daging lembu, minyak sawit, kayu, koko, kopi, getah, dan beberapa produk sampingannya, seperti kulit, coklat, tayar, atau perabot. EU mengambil tanggungjawab sebagai pasaran pengguna utama bagi komoditi-komoditi ini dan ingin menerajui usaha untuk menyelesaikan masalah ini.

Penebangan hutan dan kemerosotan hutan adalah penyebab utama kepada pemanasan global dan kehilangan biodiversiti. Pertanian, perhutanan, dan penggunaan tanah lain menyumbang sebanyak 23% kepada pelepasan gas rumah hijau.

Dengan mempromosikan penggunaan produk 'bebas penebangan hutan' dan mengurangkan kesan EU terhadap penebangan hutan dan kemerosotan hutan di peringkat global, Peraturan baharu ini dijangka dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan kehilangan biodiversiti.

MENGAPA PERLU INSTRUMEN PERUNDANGAN YANG BARU?

Perundangan Kesatuan Eropah yang sedia ada, hanya menangani isu penebangan hutan dan kemerosotan hutan. Perundangan tersebut dinilai sebagai tidak mencukupi dalam usaha pengawalan perdagangan kayu untuk mengelakkan kemudaratan. Penebangan hutan masih merupakan isu yang tidak ditangani secara langsung.

Justeru, Peraturan Kayu EU (EUTR) akan dimansuhkan oleh Peraturan Penebangan Hutan, yang menggabungkan pengajaran yang diperoleh dan memperbaiki kerangka yang ditetapkan oleh perundangan sedia ada. Peraturan ini adalah sebahagian daripada pelan tindakan yang lebih luas yang pertama kali digariskan dalam Komunikasi Suruhanjaya 2019 mengenai usaha Meningkatkan Tindakan EU untuk Melindungi dan Memulihkan Hutan Dunia, dan disahkan dalam [Perjanjian Hijau Eropah](#), [Strategi Hutan EU](#), [Strategi Biodiversiti EU](#) 2030 dan [Strategi Dari Ladang ke Meja](#).

UNSUR UTAMA

OBJEKTIF

Peraturan baharu ini bertujuan untuk:

- memastikan bahawa produk tersenarai yang dibeli, diguna, dimakan atau dieksport oleh orang Eropah, tidak menyumbang kepada penebangan hutan dan kemerosotan hutan di EU dan di peringkat global;
- mengurangkan pelepasan karbon yang disebabkan oleh penggunaan dan pengeluaran komoditi yang berkaitan oleh EU sekurang-kurangnya 32 juta metrik tan setahun; dan
- menangani semua penebangan hutan yang didorong oleh pengembangan pertanian untuk menghasilkan komoditi yang berada dalam skop Peraturan ini, serta kemerosotan hutan, dan menggalakkan penciptaan rantaian bekalan bebas penebangan hutan.



SKOP

Peraturan ini menetapkan aturan mengenai **penempatan dan penyediaan produk yang dikenakan di pasaran Kesatuan Eropah** serta eksport dari Kesatuan Eropah bagi **produk** samada yang mengandungi, telah diberi makan, atau telah dihasilkan menggunakan komoditi yang disenaraikan, **iaitu lembu, koko, kopi, sawit, getah, soya, dan kayu** (Artikel 1). Produk yang dilindungi oleh Peraturan ini disenaraikan dengan terperinci dalam Lampiran I bagi setiap komoditi. Aturan ini tidak terpakai kepada produk yang disenaraikan yang dihasilkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan ini, iaitu sebelum 29 Jun 2023.



Cattle




Cocoa



Coffee



Oil Palm



Rubber



Soya



Wood

KEWAJIPAN

Pengusaha dan Pedagang

Pengusaha atau pengendali (*operators*) dan pedagang (*traders*) tidak boleh meletakkan komoditi dan produk yang tersenarai dalam Lampiran 1 di pasaran EU atau mengeksportnya, melainkan semua **syarat** berikut dipenuhi:

- produk tersebut **bebas daripada penebangan hutan**;
- produk tersebut dihasilkan mengikut **perundangan yang berkuat kuasa di negara pengeluar**; dan
- produk tersebut dilindungi oleh **kenyataan usaha wajar (due diligence)**.

Sebelum meletakkan atau mengeksport produk ke pasaran, para pengendali dan pedagang mesti melaksanakan usaha wajar mengikut Artikel 8 untuk memastikan risiko ketidakpatuhan produk adalah rendah. Pengusaha atau dikenali juga sebagai pengendali ialah syarikat yang meletakkan produk dikenakan di pasaran EU buat kali pertama atau yang mengeksport produk dikenakan dari EU.

Apakah pengertian usaha wajar kepada para pengusaha?

- Usaha wajar merangkumi pengumpulan maklumat, penilaian risiko, dan langkah-langkah pengurangan risiko. Usaha wajar bukan sekadar 'tandakan kotak', tetapi penilaian dan pengurangan risiko adalah bahagian penting dalam proses usaha wajar dan mesti dijalankan berdasarkan maklumat dan dokumen yang dikumpulkan. Pelaksanaan **due diligence** adalah wajib bagi para pengendali dan pengusaha bukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- Paling penting, maklumat yang dikumpulkan mesti mengenal pasti **lokasi geografi** semua plot tanah bagi komoditi yang terkandung dalam produk atau komoditi yang digunakan untuk menghasilkan produk, serta tarikh atau tempoh pengeluaran untuk memastikan **kebolehesanan yang jelas (traceability)** dapat mengaitkan komoditi dengan plot tanah di mana komoditi itu dihasilkan. Bagi penilaian risiko, para pengendali mesti menilai risiko kebolehesanan ketidakpatuhan produk yang sangat rendah mungkin telah bercampur dengan produk yang berasal dari sumber yang tidak diketahui atau dihasilkan di kawasan dengan risiko penebangan hutan dan kemerosotan hutan
- Para pengendali mesti **menyemak, mengemas kini, dan melaporkan** kepada orang awam setiap tahun tentang sistem usaha wajar mereka. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan usaha wajar, para pengendali dan pedagang bukan PKS perlu mengemukakan kenyataan **due diligence** yang mengandungi semua elemen yang dinyatakan dalam Lampiran II Peraturan ke dalam pusat penyimpanan digital Sistem Maklumat bagi semua kenyataan mereka.

EUDR & PEKEBUN KECIL

Pekebun kecil dan syarikat-syarikat di negara ketiga yang tidak meletakkan produk mereka sendiri di pasaran EU tidak mempunyai undang-undang secara langsung. Walau bagaimanapun, mereka mungkin diminta oleh rakan niaga mereka, contohnya pembeli, untuk menyediakan maklumat mengenai produk keluaran mereka, terutamanya mengenai tanah tempat pengeluaran. Rakan niaga memerlukan maklumat ini untuk memenuhi kewajipan mereka sendiri di bawah peraturan tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai EUDR dan pekebun kecil, sila rujuk [helaian fakta](#) berikut.

Apakah kewajipan EU dan Negara-Negara Anggota EU?

Pihak berkuasa yang berwibawa (*competent authorities*) di Negara Anggota (*EU Member states*) mesti menjalankan pemeriksaan ke atas **para pengendali dan pedagang** (Artikel 16 dan 18) dan mesti menetapkan **penalti** yang berkesan, seimbang, dan bersifat mencegah (Artikel 25). Pemeriksaan oleh pihak berkuasa yang berwibawa dalam wilayah mereka akan memastikan bahawa para pengendali dan pedagang yang ditubuhkan dalam Kesatuan, mematuhi Peraturan tersebut. Skop pemeriksaan ini diperincikan dalam Peraturan. Tidak ada pemeriksaan atau penalti dikenakan ke atas syarikat atau pengeluar di luar EU yang tidak meletakkan sendiri produk mereka di pasaran EU.

Pihak berkuasa yang berwibawa di setiap Negara Anggota akan bekerjasama dengan satu sama lain dan dengan pihak berkuasa yang berkaitan dari Negara Anggota lain serta dengan Suruhanjaya, dan jika perlu, dengan **pihak berkuasa pentadbiran negara ketiga** untuk memastikan pematuhan terhadap Peraturan ini.

Menjelang **30 April setiap tahun**, Negara Anggota diwajibkan **melapor** dan menyediakan maklumat mengenai pelaksanaan Peraturan kepada orang awam serta kepada Suruhanjaya bagi tahun kalendar sebelumnya.



KONSEP UTAMA

PENEBANGAN HUTAN

Penukaran hutan untuk kegunaan pertanian, sama ada disebabkan oleh manusia atau oleh aspek lain.

Ladang sawit dan getah serta sistem agroforestri dianggap sebagai ladang pertanian. Produk berkaitan yang dihasilkan di kawasan tanah di mana hutan telah diubah menjadi ladang-ladang tersebut selepas 31 Disember 2020 tidak boleh diletakkan di pasaran EU.



PRODUK BEBAS PENEBAHAN HUTAN

- Produk yang berkenaan mengandungi, diberi makan atau diperbuat daripada komoditi yang dihasilkan dari tanah yang tidak mengalami penebangan hutan selepas 31 Disember 2020; dan
- dalam kes produk yang mengandungi kayu atau dibuat menggunakan kayu,
- kayu tersebut ditebang dari hutan tanpa menyebabkan kemerosotan hutan selepas 31 Disember 2020.

KEMEROSOTAN HUTAN

Perubahan struktur pada litupan hutan, yang berlaku dalam bentuk penukaran:

- Hutan primer atau hutan yang tumbuh semula secara semula jadi menjadi hutan ladang atau menjadi tanah berhutan lain; atau
- Hutan primer menjadi hutan yang ditanam.

KEBOLEHKESANAN

Kebolehkesanan plot tanah (iaitu keperluan untuk mengumpul koordinat geografi plot tanah di mana komoditi dihasilkan) adalah perlu untuk menunjukkan bahawa tiada penebangan hutan di lokasi tersebut.

Koordinat geo-lokasi perlu disertakan dalam kenyataan usaha wajar yang mesti dikemukakan oleh para pengendali dan pedagang bukan PKS kepada Sistem Maklumat sebelum produk tersebut dieksport atau diletakkan di pasaran Kesatuan. Pengendali dan peniaga bukan PKS mesti mengemukakan maklumat yang berkenaan dalam Sistem Maklumat yang tidak akan dihubungkan dengan pangkalan data sistem maklumat negara ketiga.

Pengumpulan koordinat geo-lokasi bagi plot tanah boleh dibuat menggunakan telefon bimbit dan aplikasi digital yang digunakan secara meluas serta percuma (contohnya, Sistem Maklumat Geografi (GIS)). Bagi plot tanah melebihi 4 hektar yang digunakan untuk pengeluaran komoditi selain daripada lembu, geo-lokasi hendaklah diberikan menggunakan poligon, iaitu titik latitud dan longitud dengan enam digit perpuluhan untuk menerangkan perimeter setiap plot tanah. Bagi plot tanah kurang daripada 4 hektar, para pengendali (dan pedagang yang bukan PKS) boleh menggunakan poligon atau satu titik latitud dan longitud dengan enam digit perpuluhan untuk memberikan geo-lokasi. Bagi lembu, lokasi ladang tempat lembu dipelihara hendaklah geo-lokasi yang boleh diterangkan dengan satu titik koordinat geo-lokasi.

BENCHMARKING

Sistem *Benchmarking* di bawah kendalian Suruhanjaya akan **mengklasifikasikan** negara-negara dalam tiga kategori (berisiko tinggi, standard, atau risiko rendah) mengikut tahap risiko di negara yang tidak bebas penebangan hutan dalam menghasilkan komoditi mereka.

'High risk': negara-negara yang dinilai dan dikenal pasti berisiko tinggi kerana tidak mematuhi keperluan bebas penebangan hutan dalam penghasilan komoditi mereka.

'Low risk': negara-negara di mana hasil penilaiannya menyimpulkan bahawa terdapat jaminan mencukupi ketidakpatuhan terhadap keperluan bebas penebangan hutan adalah jarang berlaku bagi penghasilan komoditi di negara mereka.

'Standard risk': negara-negara yang tidak termasuk dalam kategori 'risiko tinggi' atau 'risiko rendah'.

Bagi produk yang dihasilkan di negara berisiko rendah, kewajipan usaha wajar bagi para pengendali adalah dipermudahkan. Pihak berkuasa yang berwibawa di Negara Anggota EU akan memeriksa peratusan para pengendali yang berkurangan. Bagi produk yang dihasilkan di negara berisiko tinggi, pihak berkuasa akan memeriksa peratusan pengendali yang bertambah serta jumlah dagangan produk yang dihasilkan. Peraturan ini tidak memperuntukkan sebarang larangan terhadap mana-mana negara atau komoditi.

Peraturan ini tidak memperuntukkan sebarang larangan terhadap mana-mana negara atau komoditi. Semua pengeluar yang memenuhi syarat-syarat EUDR akan dapat menjual produk mereka di EU tanpa mengira kategori risiko teruntuk diberikan kepada negara atau wilayah mereka.

Suruhanjaya akan mengadakan **dialog khusus dengan semua negara** yang diklasifikasikan sebagai berisiko atau dalam bahaya diklasifikasikan sebagai berisiko, berhadapan dengan ancaman yang besar untuk **mengurangkan tahap risiko mereka**. Suruhanjaya juga akan **memaklumkan secara rasmi kepada negara** yang berkenaan mengenai niatnya untuk mengklasifikasikan negara tersebut atau sebahagian darinya dalam kategori risiko yang berbeza dan mengundang negara tersebut untuk memberikan apa-apa maklumat yang dianggap berguna kepada mereka.



JADUAL WAKTU PELAKSANAAN DAN TARIKH AKHIR

Peraturan ini, yang mula berkuat kuasa pada 29 Jun 2023, memperuntukkan **tempoh peralihan**. Artikel utama yang berkaitan dengan kewajipan pengendali dan pedagang bersaiz sederhana dan besar serta kewajipan kawalan yang berkaitan bagi Negara Anggota akan mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2024 (tempoh peralihan 18 bulan), dan bagi perusahaan kecil dan mikro pada 30 Jun 2025 (tempoh peralihan 24 bulan).

Negara Anggota dikehendaki menubuhkan **pihak berkuasa** yang berwibawa dan mengemukakan koordinat mereka kepada Suruhanjaya selewat-lewatnya pada **30 Disember 2023**. Pihak berkuasa disarankan memberi bantuan dan panduan kepada para pengendali.

Menjelang **30 Disember 2024**, Suruhanjaya akan menubuhkan dan seterusnya mengekalkan **sistem maklumat** yang akan mengandungi kenyataan usaha wajar serta daftar para pengendali dan pedagang serta wakil-wakil mereka yang sah di EU. Akses kepada sistem maklumat akan diberikan oleh Suruhanjaya kepada **pihak berkuasa kastam, pihak berkuasa yang berwibawa, pengendali dan pedagang serta wakil-wakil mereka yang sah**.

EU MENYOKONG PELAKSANAAN

Peraturan ini memberi perhatian yang besar kepada kerjasama dan perkongsian antarabangsa untuk memastikan bahawa pencapaian objektif adalah **usaha bersama antara EU dan negara-negara yang perihatin** dalam usaha menghentikan penebangan hutan dan kemerosotan hutan di seluruh dunia.

Suruhanjaya, bagi pihak Kesatuan, serta Negara-negara Anggotanya akan bekerjasama dengan **negara-negara pengeluar** yang terlibat dalam Peraturan ini, terutamanya mereka yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi atau berisiko untuk diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi, melalui perkongsian sedia ada dan yang akan datang serta mekanisme kerjasama lain yang berkaitan, untuk bersama-sama menangani punca utama penebangan hutan dan kemerosotan hutan. Suruhanjaya akan membangunkan rangka kerja **strategik yang komprehensif** dan akan mempertimbangkan untuk menggerakkan instrumen-instrumen yang memfokuskan kepada pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari hutan, penebangan hutan, kemerosotan hutan, dan peralihan kepada kaedah pengeluaran, penggunaan, pemrosesan, dan perdagangan komoditi yang lestari.

Perkongsian dan mekanisme kerjasama merangkumi dialog berstruktur, susunan pentadbiran, dan perjanjian sedia ada, serta pelan tindakan bersama yang membolehkan peralihan kepada pengeluaran pertanian bagi memudahkan pematuhan Peraturan, Perhatian khusus diberikan kepada keperluan masyarakat asli, komuniti setempat, dan pekebun kecil serta memastikan penyertaan semua pihak berkepentingan.

Suruhanjaya dan Negara-negara Anggota akan bersama-sama dalam **perbincangan dua hala dan pelbagai hala antarabangsa** mengenai dasar dan tindakan untuk menghentikan penebangan hutan dan kemerosotan hutan. **Forum pelbagai hala** meliputi Konvensyen Rangka Kerja mengenai Perubahan Iklim, Konvensyen Biodiversiti, Konvensyen untuk Memerangi Penggurunan, Perhimpunan Alam Sekitar PBB, Forum Hutan PBB, FAO, Pertubuhan Perdagangan Sedunia, G7, dan G20.

MAKLUMAT LANJUT



[EU webpage on EU regulation on deforestation-free products \(EUDR\)](#)

[EUDR legal text](#)

[Frequently asked questions on EUDR](#)

[Factsheet on EUDR and smallholders](#)

[Webpage on Team Europe Initiative \(TEI\) on deforestation-free value chains](#)



